
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

VMT 107 – Sejarah Media Baru

Masa : 2 jam

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan dan **DUA [2]** muka surat yang bercetak.
 2. Jawab **DUA [2]** soalan sahaja.
 3. Setiap soalan bernilai 100 markah.
-

1. Huraikan penafsiran peribadi anda tentang sejarah. Penafsiran anda mestilah meliputi definisi, peranan, kepentingan dan skop.
[100 markah]
2. Pilih salah satu bidang yang disenaraikan di bawah. Huraikan sejarah perkembangan bidang yang dipilih dengan menekankan beberapa contoh penemuan dan inovasi penting.
 - a] Telekomunikasi & komputer
 - b] Televisyen & video
 - c] Radio
 - d] Fotografi & filem
 - e] Cetakan[100 markah]
3. Huraikan sumbangan salah seorang dari perintis media baru yang telah anda pelajari. Apakah daya pemikiran dan kreativiti penciptaan yang mendasari inovasi produk yang dirintis?
[100 markah]
4. Huraikan beberapa contoh anjakan atau perubahan paradigma dari seni berasaskan media massa ke multimedia atau media baru.
[100 markah]
5. Globalisasi dan ekonomi pasaran bebas merupakan antara pemacu perkembangan media baru. Huraikan bagaimana kedua-dua perkara tersebut memainkan peranan dalam menggerakkan perkembangan teknologi media baru?
[100 markah]
6. Huraikan beberapa isu atau persoalan yang mendasari perkembangan seni video di Barat?
[100 markah]
7. Huraikan sejarah perkembangan seni cetakan digital di Malaysia dengan menggunakan beberapa contoh karya perintis hinggalah karya-karya terkini.
[100 markah]
8. Huraikan sejarah perkembangan seni berasaskan internet di Malaysia dengan menggunakan beberapa contoh karya perintis hinggalah karya-karya terkini.
[100 markah]